

PROGRAM KESEDARAN BERKESATUAN BERSAMA GRADUAN

21 JUN 2023

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan (JHEKS) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan program Kesedaran Berkesatuan Bersama Graduan: Akta 262 pada 21 Jun 2023 bertempat di Bilik Seminar PTAR UiTM Shah Alam.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia YBrs. Encik Kamal bin Pardi. Menerusi ucapan sewaktu majlis perasmian penutup program, YBrs. Encik Kamal memaklumkan hanya 960 ribu rakyat Malaysia telah menjadi ahli kesatuan berbanding 10 juta rakyat Malaysia yang bekerja dan layak menjadi ahli kesatuan.

Program yang bermatlamat menyebar luas kepentingan kesatuan sekerja dalam organisasi turut mengundang kehadiran tetamu kehormat iaitu Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah, Presiden MITASA (Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM) dan Tuan Haji Zulkifli Mohamad, Presiden KKUUUiTM (Kesatuan Kakitangan Umum UiTM).

